

# iPhone

Sebelum menggunakan iPhone, semak *Panduan Pengguna iPhone* di [support.apple.com/ms-my/guide/iphone](http://support.apple.com/ms-my/guide/iphone). Simpan dokumentasi untuk rujukan masa depan.

## **Keselamatan dan Pengendalian**

Lihat "Keselamatan, pengendalian dan sokongan" dalam *Panduan Pengguna iPhone*.

## **Pendedahan terhadap Frekuensi Radio**

Pada iPhone, pergi ke *Seting > Umum > Undang-undang & Kawal Selia > Pendedahan RF*. Atau pergi ke [apple.com/legal/rfexposure](http://apple.com/legal/rfexposure).

## **Bateri dan Pengecasan**

Bateri iPhone hanya boleh dibaiki oleh juruteknik terlatih untuk mengelakkan kerosakan bateri, yang boleh menyebabkan panas terlampau, kebakaran, atau kecederaan. Bateri seharusnya dikitar semula atau dilupuskan secara berasingan daripada sisa buangan rumah dan menurut undang-undang dan garis panduan alam sekitar tempatan. Untuk mendapatkan maklumat tentang bateri litium-ion Apple serta servis dan kitar semula bateri, pergi ke [apple.com/my/batteries/service-and-recycling](http://apple.com/my/batteries/service-and-recycling). Untuk mendapatkan maklumat tentang pengecasan, lihat "Maklumat keselamatan penting" dalam *Panduan Pengguna iPhone*.

## **Laser**

Sensor kehampiran, sistem kamera TrueDepth dan Pengimbas LiDAR mengandungi satu atau lebih laser. Sistem laser ini mungkin dinyahdayakan untuk tujuan keselamatan jika peranti rosak atau tidak berfungsi. Jika anda menerima pemberitahuan pada iPhone anda yang sistem laser dinyahdayakan, anda sentiasa perlu menghantarnya untuk dibaiki oleh Apple atau penyedia khidmat sah. Pembaikan yang tidak betul, pengubahsuaian atau penggunaan komponen Apple yang tidak asli dalam sistem laser mungkin menghalang mekanisme keselamatan daripada berfungsi dengan betul dan boleh menyebabkan pendedahan berbahaya dan kecederaan kepada mata atau kulit.

## **Keserasian Alat Bantu Dengar (HAC)**

Pergi ke [apple.com/support/hac](https://apple.com/support/hac), atau lihat "Peranti pendengaran" dalam *Panduan Pengguna iPhone*.

## **Elakkan Kerosakan Pendengaran**

Untuk mengelakkan kerosakan pendengaran, jangan dengar pada paras kelantangan tinggi untuk masa yang lama. Maklumat lanjut tentang bunyi dan pendengaran tersedia dalam talian di [apple.com/sound](https://apple.com/sound) dan dalam "Maklumat keselamatan penting" dalam *Panduan Pengguna iPhone*.

## **Gangguan Peranti Perubatan**

iPhone mengandungi magnet serta komponen dan/atau radio yang mungkin mengganggu peranti perubatan. Lihat "Maklumat keselamatan penting" dalam *Panduan Pengguna iPhone*.

## **Kawal Selia**

Maklumat pensijilan kawal selia tersedia pada peranti. Pergi ke Seting > Umum > Undang-undang & Kawal Selia. Maklumat tambahan kawal selia di "Keselamatan, pengendalian dan sokongan" dalam *Panduan Pengguna iPhone*.

## **Pematuhan FCC dan ISED Kanada**

Peranti ini mematuhi bahagian 15 pada Peraturan FCC dan piawai RSS bebas-lesen ISED Kanada. Operasi tertakluk pada dua keadaan berikut: (1) peranti ini mungkin tidak menyebabkan gangguan berbahaya dan (2) peranti ini mesti menerima sebarang gangguan diterima, termasuk gangguan yang mungkin menyebabkan operasi yang tidak diinginkan.

## **Pematuhan EU/UK**

Apple Inc. mengisytiharkan bahawa peranti wayarles ini mematuhi Direktif 2014/53/EU dan Peraturan Kelengkapan Radio 2017. Salinan Pengisytiharan untuk Pematuhan tersedia di [apple.com/euro/compliance](http://apple.com/euro/compliance). Wakil EU Apple ialah Apple Distribution International Ltd., Hollyhill Industrial Estate, Cork, Ireland. Wakil UK Apple ialah Apple UK Ltd., 2 Furzeground Way, Stockley Park, Middlesex, UB11 1BB.



## Maklumat Pembuangan dan Kitar Semula



Simbol di atas bermakna menurut undang-undang dan peraturan tempatan produk anda dan/atau baterinya mesti dilupuskan secara berasingan daripada sisa buangan rumah. Apabila produk ini mencapai akhir hayatnya, bawanya ke pusat pengumpulan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan. Pengumpulan dan kitar semula produk anda dan/atau baterinya secara berasingan pada masa pelupusan akan membantu memelihara sumber semula jadi dan memastikan ia dikitar semula dalam cara yang melindungi kesihatan manusia dan alam sekitar. Untuk mendapatkan maklumat tentang program kitar semula, tempat pengutipan kitar semula, bahan terlarang dan inisiatif alam sekitar Apple lain, lawati [apple.com/my/environment](http://apple.com/my/environment).

## Maklumat Laser Kelas 1

Peranti ini diklasifikasikan sebagai produk Laser Kelas 1 per IEC 60825-1 Ed. 3. Peranti ini mematuhi 21 CFR 1040.10 dan 1040.11, kecuali untuk pematuhan dengan IEC 60825-1 Ed. 3., seperti diterangkan dalam Notis Laser No. 56, bertarikh 8 Mei 2019. Awas: Peranti ini mengandungi satu atau lebih laser. Penggunaan selain daripada yang diterangkan dalam panduan pengguna, pembaikan atau penyahhimpun mungkin menyebabkan kerosakan, yang boleh mengakibatkan pendedahan bahaya kepada pemancaran laser

inframerah yang tidak kelihatan. Kelengkapan ini perlu diservis oleh Apple atau penyedia khidmat sah.

## **PRODUK LASER KELAS 1**

### **Ringkasan Waranti Terhad Satu Tahun Apple**

Apple menjamin produk perkakasan dan aksesori yang disertakan daripada kecacatan bahan dan mutu buatan untuk satu tahun dari tarikh asal pembelian runcit. Apple tidak menjamin ke atas kehausan dan lusuh biasa, atau kerosakan disebabkan oleh kemalangan atau penyalahgunaan. Untuk memperoleh servis, hubungi Apple atau lawati Apple Store atau Penyedia Khidmat Sah Apple—pilihan servis tersedia bergantung kepada negara tempat servis diminta dan mungkin terhad kepada negara asal ia dijual. Caj panggilan dan caj penghantaran antarabangsa mungkin dikenakan, bergantung kepada lokasi. Tertakluk kepada syarat penuh dan maklumat terperinci tentang perolehan servis tersedia di [apple.com/legal/warranty](http://apple.com/legal/warranty) dan [support.apple.com/en-my](http://support.apple.com/en-my), jika anda menghantar tuntutan sah di bawah waranti ini, Apple sama ada akan membaiki, menggantikan, atau mengembalikan bayaran peranti perkakasan anda menurut budi bicaranya sendiri. Faedah waranti adalah tambahan kepada hak disediakan di bawah undang-undang pengguna tempatan. Anda mungkin perlu memberikan bukti terperinci pembelian apabila membuat tuntutan di bawah waranti ini.

Untuk Pengguna Australia: Barangan kami datang dengan jaminan yang tidak boleh dikecualikan di bawah Undang-undang Pengguna Australia. Anda berhak mendapat penggantian atau pengembalian bayaran untuk kerosakan besar dan pampasan untuk sebarang kehilangan atau kerosakan yang munasabah. Anda juga berhak untuk mendapat pembaikan atau penggantian barangan jika kualitinya tidak boleh diterima dan kerosakannya bukan kerosakan yang besar. Apple Pty Ltd, PO Box A2629, Sydney South, NSW 1235. Tel: 133-622.

Untuk Pengguna EU: Apple bermaksud Apple Distribution International Ltd., Hollyhill Industrial Estate, Cork, Ireland. Pengguna mungkin mempunyai remedi percuma terhadap penjual sekiranya berlaku kekurangan keakuran, yang tidak dipengaruhi oleh waranti ini.



© 2023 Apple Inc. Hak cipta terpelihara. Apple, logo Apple, iPhone dan TrueDepth ialah tanda dagangan Apple Inc., didaftarkan di A.S. dan negara serta rantau lain. Apple Store ialah tanda perkhidmatan Apple Inc., didaftarkan di A.S. dan negara serta rantau lain.  
Printed in XXXX. MY034-05989-A